

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11/12/2018

PULAU KUKUP KEKAL TAMAN NEGARA

Johor diminta terima keputusan Kerajaan Pusat

mf: 7
BH - 11/12/2018

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab terhadap segala yang berlaku di negara ini, termasuk dalam urusan kerajaan negeri.

"Kerajaan Persekutuan bukan orang luar, sebaliknya bertanggungjawab terhadap segala yang berlaku di negara ini," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Tunku Mahkota Johor (TMJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim, bahawa Kerajaan Persekutuan tidak harus terabit dalam perkara tanah negeri.

Dr Mahathir berkata, semua pihak perlu menerima keputusan kerajaan untuk mengekalkan status Pulau Kukup sebagai taman negara.

Tak perlu dibangunkan

"Pulau Kukup tidak perlu dibangunkan dan harus kekal sebagai hutan simpan. Ini adalah pendirian Kerajaan Persekutuan. Saya harap Johor akan terima. Kita tidak menyentuh mengenai Sultan.

"Tanah itu mungkin tanah Sultan atau Sultanah, tetapi ia tidak boleh menjadi pembangunan. Kami tidak mahu hutan bakau ini

ditebang untuk membangunkan pulau ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Pemerksaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Pada 5 Disember lalu, Tunku Ismail memaklumkan Pulau Kukup yang dibatalkan sebagai rizab Taman Negara, akan menjadi Tanah Kesultanan, selain memastikan pulau itu dilindungi lebih baik berikutan perubahan statusnya.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata kes rasuah dalam kalangan 1.6 juta penjawat awam yang dilaporkan kini, sangat rendah sejak Kerajaan Pakatan Harapan (PH) mengambil alih tampuk kerajaan awal Mei lalu berbanding ketika pemerintahan kerajaan terdahulu.

"Jika kerajaan dahulu, semua orang bercakap pasal rasuah. Sekarang, kami berjaya mengurangkan kes rasuah itu.

"Bagaimanapun, saya tidak nafikan gejala rasuah masih wujud, cuma ia tidak berjaya dikesan oleh kami," katanya.

Yang hadir sama, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mo-



Dr Mahathir pada majlis Konvensyen Pemerksaan Pihak Berkuasa Tempatan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di Putrajaya, semalam.

hamed Azmin Ali; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin dan timbalannya, Datuk Raja Kamarul Baharin Shah.

Elak aktiviti rasuah

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, kerja yang tertanggung sebenarnya membuka peluang kepada wujudnya aktiviti rasuah.

Beliau berkata, apabila seseorang pegawai itu melambatkan kerjanya, maka pemohon akan tampil untuk menawarkan wang atau sogokan bagi mempercepatkan proses itu.

"Jika ia (kerja atau tugas) perlu diselesaikan dalam tempoh tiga hari, maka ia perlu disiapkan dalam tempoh itu. Apabila pegawai mendapati penanguhan kerja itu sebagai peluang mendapatkan wang lebih, mereka akan lakukan perkara itu dengan sengaja.

"Pada zaman kerajaan baharu ini, kami sediakan carta aliran kerja, fail meja dan buku manual untuk mengelak aktiviti rasuah itu terus berulang. Bagaimanapun, proses pelaksanaannya mengambil masa untuk diamalkan," katanya.

Ditanya mengenai keperluan

dan kesediaan negara untuk mengadakan pilihan raya PBT, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak akan melaksanakan pilihan raya itu kerana ia mungkin akan membawa kepada konflik khususnya isu perkauman di bandar.

"Pilihan raya PBT boleh menghasilkan keputusan yang silap. Keadaan di bandar berbeza, luar bandar pula berbeza. Mungkin muncul konflik berasaskan perbezaan kaum dan seumpamanya.

"Jadi, kita tidak mahu keadaan itu berlaku. Kerajaan putuskan tiada pilihan raya kerajaan tempatan," katanya.